

PENJELASAN “LEMBAGA BAHASA MELAYU”

“Lembaga Bahasa Melayu” sebagaimana yang sedia maklum ialah sebuah pertubuhan yang bukan sahaja bertujuan membela dan mengembangkan bahasa Melayu dengan menyusun sebuah kamus besar yang lengkap – Yang sedang dikerjakan sekarang – tetapi juga bertujuan memilih dan mencari terjemahan yang sesuai bagi perkataan-perkataan Inggeris dan lain-lainnya. Menerbitkan buku-buku yang mengenai bahasa dan persuratan serta mengelolakan siaran bahasa Melayu di radio pada tiap-tiap dua minggu sekali. Memandang kepada kelayakan pemimpin-pemimpin pertubuhan ini seperti A. Uthman Kalam, Cikgu Mahmud bin Ahmad, Cikgu Abdul Rahman bin Muhammad Said, Cikgu Buyung Adil, Cikgu Harun Amin al-Rashid, A. Ramli Abdul Huda dan lain-lain ahlinya lagi maka dipercayai pertubuhan ini – Biḥawliillāh – Akan mencapai kemajuan yang dicita-citakan itu.

Sekarang semak penjelasan terhadap pertanyaan tuan “manfaat” seorang pendeta bahasa Melayu yang terkenal, yang telah tersiar dalam majalah ini pada bulan yang lalu. Kita percaya “Lembaga Bahasa Melayu” sedia memberi penjelasan kepada tiap-tiap kemusykilan yang mengenai Bahasa Melayu. Kerana yang demikian memang kewajipan – F.Q.

“MUMKIN” - “MUNGKIN”

Di antara lain-lain perkara yang dibincangkan oleh Lembaga Bahasa Melayu dalam salah satu daripada perjumpaan-perjumpaan badan bahasa tiap-tiap minggu ialah tulisan al-Adīb Tuan Musyfa‘ dalam majalah Qalam bilang 38 keluaran bulan September 1953.

Tuan Musyfa‘ mempersoalkan perkataan “mumkin”, “mungkin” dan “mungkin”, yang dikatakan sekarang ada banyak orang-orang Melayu “zaman kemajuan” ini sedang mengila-gila menurut-nurut menjadi pak turut, dalam percakapan atau tulisan. Menurut pendapat tuan Musyfa‘ ada pun pemakaian perkataan-perkataan yang tersebut itu dalam suratkhobar-suratkhobar Melayu di Singapura dan Tanah Melayu hari ini tidak betul, tidak mengikut aturan dan susun bahasa Melayu. Kerana perkataan-perkataan Arab itu dicampurkan pula dengan perkataan-perkataan Melayu yang sama maknanya. Sungguhpun begitu dengan tulisan ikhlas ia minta keterangan yang sebenar serta adil lagi memuaskan hati dari tuan Za‘ba (pada masa ini belum balik dari Amerika Syarikat) dan tuan Syeikh ‘Abdullāh Basmeh khasnya dan tuan-tuan pembaca yang bijaksana dan adil amnya.

Lembaga Bahasa Melayu memang suka masuk campur

dalam perkara seperti ini, bukan bermaksud hendak membahas dan bertikam lidah serta mencela orang-orang Melayu tak pandai bercakap bahasa sendiri, tetapi ialah oleh kerana hendak manfaati dasar pertubuhan mengambil tahu dalam perkara bahasa amnya. Lebih-lebih lagi apabila salah seorang daripada ahlinya iaitu tuan ‘Abdullāh Basmeh telah diseru supaya memberi keterangan. Maka inilah dicuba menjelaskan sedikit tentang perkara yang telah memusykilkan seorang yang mengambil berat dalam soal bahasa Melayu, seperti tuan Musyfa‘, mudah-mudahan dengan keterangan yang tidak sepertinya ini akan berguna juga kepada pembaca-pembaca Qalam khasnya dan kepada orang ramai amnya.

Perkataan “mumkin” memang telah berasal dari perkataan Arab “*Kāna*” yang telah diterangkan oleh tuan Musyfa‘ dengan makna “ada” atau “jadi” sungguhpun begitu, bolehlah dipercayai bahawa perkataan “mumkin” ini telah diambil oleh orang-orang Melayu sudah beberapa lama dan dipakai dalam bahasanya sendiri. Zaman bila perkataan ini mula-mula dipakai oleh orang-orang Melayu payah hendak ditentukan, tetapi contoh pemakaiannya boleh kita jumpai dalam syair ibarat “Manikam pari”

yang dicetak di Singapura. Dan maknanya dalam pemakaian itu ada diterangkan dalam kamus Melayu yang disusun oleh tuan R.J Wilkinson dalam kamus itu tidak dinafikan asal perkataan itu dari bahasa Arab, tetapi makna yang diberinya ialah dalam bahasa Inggeris: “feasible”, “practicable”. “possible” kalau diterjemahkan balik ke bahasa Melayu yang mudah ialah “boleh jadi”.

Dalam kamus umum Indonesia pula, perkataan “memakan” tidak dijumpai, dan bolehlah dianggap bahawa orang-orang Indonesia pada amnya tidak lazim memakai perkataan ini sama ada bercakap atau menulis terkecuali agaknya sahabat tuan Musyfa‘ yang menulis dari Sumatera (Indonesia) menggunakan perkataan “kemungkinan” dalam suratnya dengan cara yang agak ganjil dan payah memahamkannya biar oleh orang-orang di sini biar dis eberang . Tak dapatlah hendak menerangkan sebab-sebabnya beliau menulis dengan demikian gaya. Boleh jadi kerana ia telah terpengaruh oleh kedua-dua gaya bahasa, iaitu bahasa Melayu Indonesia dan Malaya.

Perkataan...“mungkin” barangkali tak dapat juga kita nafikan berasal dari bahasa Arab mengikut pendapat al-Adīb kita , tetapi kamus Melayu susunan tuan R. J. Wilkinson menerangkan bawa perkataan itu berasal dari bahasa daerah Minangkabau, dan maknanya ialah: “possible” atau “boleh jadi” ini didasarkannya dari “*Hikayat Sidaharama*” keluaran Bali Pustaka, Betawi (Sekarang Jakarta).

Kamus umum Indonesia memberi makna “tidak mustahil” “boleh jadi”, “dapat” dan tidak disebut pula dari mana asalnya perkataan itu. Jadi bolehlah kita anggap bahawa orang-orang Indonesia memandang perkataan “mungkin” itu bahasa Indonesia.

Perkataan “mungkin” tidak dijumpai dalam kamus umum Indonesia atau kamus Melayu yang disusun oleh Tuan R.J Wilkinson.

Walau bagaimanapun, rasanya jelaslah bahawa perkataan

“mungkin” dan “mungkin” itu adalah serupa maknanya dan telah menjadi bahasa Melayu atau Indonesia untuk manfaati makna “possible” dalam bahasa Inggeris pada amnya.

Tentang menggunakan perkataan itu dalam satu-satu ayat memanglah mesti bercermat supaya mudah difahami akan maksudnya berkenaan contoh-contoh ayat yang dikemukakan oleh tuan Musyfa‘: Nampaknya salah ejaan dalam (1) . (2) dan (3) maksud (1) ialah ..hal itu tidak dapat diadakanoleh itu, pemakaian “mungkin” atau “mungkin” bolehlah diluaskan dalam ayat itu. Beralih kepada (2) payah kita hendak meluluskan “yakin” adalah satu perkataan yang dipakai dalam bahasa Melayu yang membayangkan perasaan yang tegas, manakala “mungkin” dan “mungkin” mengikut istilah yang dipakai sekarang ini membayangkan perasaan tidak tegas.

Dalam ayat (2) dua perkataan yang berlawanan disusun dekat-dekat. Tidak munasabah! Kalau kita gantikan perkataan “mungkin” atau “mungkin” dengan lain-lain perkataan yang serupa maknanya pun tidak mendatangkan erti yang tepat. Barangkali maksudnya begini: “Saya tidak yakin (perbuatan....) akan tidak dapat sambutan yang meriah.” Kalau begitulah maksudnya maka tidaklah perlu menggunakan perkataan “mungkin” atau “mungkin” melainkan perlu pula disebutkan “perbuatan” apa yang diyakin tidak akan mendapat sambutan meriah.

Pemakaian perkataan “mungkin” atau “mungkin” dalam contoh (3) dan (4) payah hendak difahamkan. Daripada membincangkan apa juga maksud penulis-penulis itu, eloklah dikatakan sahaja bahawa pemakaian perkataan “mungkin” atau “mungkin” dalam ayat-ayat itu sangat canggung hingga tak dapat hendak difahamkan. Bagaimana hendak membetulkan ayat yang kita tidak faham akan maksudnya? Penulis-penulis tentu tidak tahu dan harus mereka akan memberi penjelasan kalaulah ada kebolehan mereka memahamkan erti kata “mungkin” atau “mungkin” menurut sebagaimana yang diterangkan dalam kamus-kamus yang disebutkan dalam rencana ini.